

# Landskap edible serlahkan persekitaran sihat di dalam kampus

Oleh: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

Pendekatan landskap edible merupakan satu langkah positif dalam menghijaukan persekitaran. Ia merupakan satu pendekatan reka bentuk taman yang menggunakan gabungan pelbagai spesies tanaman makanan, herba dan hiasan. Pengarapan landskap edible di sarankan 70 peratus ditanam berbentuk tanaman makanan dan selebihnya 30 peratus kepada tanaman hiasan. Kelebihan landskap edible bukan sahaja memberikan keindahan, tetapi tumbuhannya juga sesuai bagi tujuan ulaman, perisa dan ubatan.

## LANDSKAP EDIBLE

Tumbuhan yang sesuai bagi landskap edible adalah jenis belimbing buluh, betik, cekur, daun kari, kangkung, daun kesum, limau kasturi, limau nipis, kelapa, kucai, daun pegaga, pandan wangi, serai makan, terung buah, terung pipit, ubi keledak, ubi kayu dan ulam raja.

Manakala spesies herba pula terdiri daripada bakawali, ati-ati, bintang tujuh, bunga cina, buah pala, cekur hitam, cengkih, delima, hempedu bumi, kantan puth, lempoyang, lidah buaya, limau pagar, melur, mas cotek, selasih hijau, pokok halau nyamuk, nilam, nam-nam dan puding semangkuk.

Bagi mengindahkan lagi persekitaran tanaman jenis bunga yang paling sesuai ialah bunga tasbih, ekor kucing, kemuning, lavender, mengkudu siam, senduduk ungu, siantan, setawar, lolipop dan kenanga.

## Khasiat Landskap Edible

Khasiat spesies jenis edible dikatakan boleh menyumbang baik kepada kesihatan. Dedaun cekur boleh mengubat sakit otot, sendi, sakit tekak dan malaria, cekur manis pula dikatakan baik dalam pengubatan leukimia, batuk dan demam.

Selain itu, penawar kesihatan selasih hijau dapat mengurangkan batuk, sakit kepala dan gastrik. Daun dari sambung nyawa merah pula mampu menyembuhkan penyakit barah dan demam. Manakala helaian dari bintang tujuh, jarum tujuh bilah boleh menyembuh penyakit kencing manis dan darah tinggi.

Halia dari spesies edible juga boleh digunakan sebagai perisa makanan dan pokok kangkung boleh digunakan dalam masakan dan rawatan buasir, sakit kepala dan sukar tidur.



Sementara itu, pokok kari mempunyai tabiat pertumbuhan yang malar hijau, tumbuh menegak, bercabang banyak dan padat. Pokok ini mempunyai khasiat ubatan yang amat berguna di mana akar pokok mempunyai khasiat bagi mengubati luka akibat gigitan binatang berbisa. Pokok perisa beraroma yang mempunyai khasiat berbau rempah menjadikannya sesuai sebagai penghias dan penyeri kawasan landskap.